



SIARAN MEDIA

BANDAR BAHAGIA 2022 : KOMITMEN KPKT DALAM MEMPERKUKUH AGENDA MALAYSIA MADANI

PUTRAJAYA, 20 MAC 2023 – YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewakili Yang Berhormat Menteri Tuan Nga Kor Ming telah merasmikan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia 2023 dan menyempurnakan pra perancangan *Dashboard* Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia di Zenith Hotel Putrajaya. Sambutan yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun ini bertujuan mengiktiraf hubung kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat.

Di peringkat negara, tahap kebahagiaan penduduk di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) diukur melalui Indeks Kebahagiaan di bawah Program Jaringan Penunjuk Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), yang diselia oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Indeks kebahagiaan merupakan pengukuran umum terhadap tahap kesejahteraan penduduk merangkumi aspek kesihatan dan kesejahteraan mental dan fizikal.

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib menyatakan bahawa Kajian Indeks Kebahagiaan ini telah melibatkan soal selidik kepada **42,000** responden bagi **117 PBT** di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan) dan Negeri Sabah.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada 92 bandar (79%) yang mencapai status mampan dengan skor melebihi 80 peratus dan 25 bandar (21%) yang mencatat peratus sederhana bahagia dengan skor antara 50%-79%.

Dalam majlis sambutan ini, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib telah menyampaikan penghargaan kepada **10 Bandar Bahagia** di Malaysia yang mendapat skor indeks kebahagiaan paling tinggi pada tahun 2022.

Senarai **10 Bandar Bahagia Tahun 2022** mengikut **susunan abjad (alphabet)** adalah seperti berikut:

- i. Bandar Alor Gajah, Melaka;
- ii. Bandar Gua Musang, Kelantan;
- iii. Bandar Klang, Selangor;
- iv. Bandar Kluang, Johor;
- v. Bandar Kuala Krai, Kelantan;
- vi. Bandar Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- vii. Bandaraya Kuantan, Pahang;
- viii. Bandar Manjung, Perak;
- ix. Bandaraya Petaling Jaya, Selangor; dan
- x. Bandar Rompin, Pahang.

Antara **aspek utama yang menyumbang kepada tahap kebahagiaan** ini adalah berkait rapat dengan tahap dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh PBT seperti **penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan dan teratur.**

YBhg. Datuk M Noor Azman turut menyampaikan **Apresiasi Khas kepada 5 bandar yang telah mencapai tahap bahagia berdasarkan tiga (3) komponen utama yang dinilai melalui Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia.** Lima (5) bandar tersebut adalah:

- i. Bandar Keluarga Bahagia Jelebu, Negeri Sembilan
- ii. Bandar Keluarga Bahagia Kudat, Sabah
- iii. Bandar Komuniti Bahagia Teluk Intan, Perak
- iv. Bandar Komuniti Bahagia Hulu Terengganu
- v. Bandar Bahagia Mesra Usia Taiping, Perak

Bersempena sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia 2023, beliau turut menyempurnakan Pra Pelancaran *Dashboard* Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia yang memaparkan skor indeks dan taburan mengikut tahap kebahagiaan bandar. *Dashboard* ini akan memudahkan perkongsian maklumat dan pemahaman orang ramai terhadap pencapaian kebahagiaan di bandar masing-masing.

Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia 2023 dan pengukuran Indeks Kebahagiaan 2022 bagi bandar-bandar di Malaysia adalah selaras dengan agenda global iaitu **Sustainable Development Goals (SDGs)**, khususnya **SDG 11 (Sustainable Cities and Communities)** ke arah mencapai pembangunan bandar yang bahagia, sejahtera, mampan dan selamat yang menyokong kepada agenda **Malaysia MADANI.**

#DemiPertiwi
#MalaysiaMADANI

#MalaysiaBerdayaHuni
#StrongerTogether
#PasukanKPKT
#unityindiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

